

Sabtu, 28 March 2020 | 7:37pm

## Bekalan beras di Sarawak cukup untuk tiga bulan

Oleh Mohd Roji Kawi  
mdroji@NSTP.com.my

**KUCHING:** Stok bekalan beras untuk keperluan 2.8 juta penduduk Sarawak, mampu bertahan untuk tempoh tiga bulan lagi.

Ketua Menteri, Datuk Patinggi Abang Johari Abang Openg, berkata secara purata penduduk Sarawak menggunakan 300 tan beras sehari atau 9,300 tan metrik sebulan.

Katanya, kerajaan Sarawak memberi jaminan bekalan beras mencukupi untuk menampung keperluan sepanjang tempoh penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan hingga 14 April depan.

"Cuma sekarang kita meminta pembekal meningkatkan stok bekalan keperluan makanan lain seperti gula, tepung, minyak masak serta gas memasak kepada tiga bulan kerana stok sedia ada kini hanya mampu menampung keperluan dalam tempoh sebulan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas membuat tinjauan bekalan makanan di dua pasar raya besar di sini, hari ini.

Abang Johari berkata, untuk memastikan rantaian bekalan makanan tidak menghadapi masalah, kerajaan Sarawak juga menubuhkan Jawatankuasa Khas Bekalan Makanan yang diketuai Timbalan Ketua Menteri, Datuk Amar Awang Tengah Ali Hassan.

"Jawatankuasa itu juga bertanggungjawab untuk memastikan bekalan makanan asas di seluruh negeri, khususnya di kawasan luar bandar mencukupi.

"Kita juga sudah meminta Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna untuk memastikan penghantaran bekalan makanan ke kawasan luar bandar seperti di Bario, Belaga, Ba'kelalan, Long Semado, Hulu Baram, juga di kawasan Sri Aman dan Pulau Brui di Daro berjalan lancar," katanya.

Katanya, berikutan penghantaran perlu dilakukan dengan segera, kerajaan Sarawak akan meminta bantuan Angkatan Tentera Malaysia serta Jabatan Bomba dan Penyelamat untuk menggerakkan aset masing-masing bagi menghantar bekalan itu ke pusat jualan di kawasan pedalaman.

"Kos operasi aset milik agensi terbabit, termasuk helikopter akan ditanggung oleh kerajaan Sarawak. Kita tidak mahu penghantaran mengambil masa yang lama. Misalnya untuk ke Bario, biasanya penghantaran dilakukan melalui jalan balak yang mengambil masa perjalanan yang lama," katanya.



Abang Johari dan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Alexander Nanta Linggi, melawat Pasar Raya Mydin melihat harga barang keperluan harian pada hari ke-11 Perintah Kawalan Pergerakan berikutan wabak COVID-19. - NSTP/Nadim Bokhari

<https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2020/03/670469/bekalan-beras-di-sarawak-cukup-untuk-tiga-bulan>